

**HUBUNGAN DI ANTARA KECEKALAN PELAJAR TAHUN AKHIR
DENGAN BERKEMBANG MAJU DARI ASPEK PSIKOLOGI
TERHADAP KEBOLEHPASARAN PELAJAR TVET**

***THE RELATIONSHIP BETWEEN FINAL-YEAR STUDENTS'
RESILIENCE AND PSYCHOLOGICAL GROWTH IN RELATION TO
THE EMPLOYABILITY OF TVET STUDENTS***

Muhammad Yasin Omar Mokhtar*

Research Management Centre, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Siti Marhamah Kamarul Arifain

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Maryam Mohd Esa

Fakulti Perniagaan, Hospitaliti dan Teknologi, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Mohammad Izzat Akmal Shariff

Pusat Penyelidikan dalam Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

**Corresponding Author's Email: yasin@unimel.edu.my*

Article History:

Received : 26 August 2025

Accepted : 14 November 2025

Published : 24 December 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Mokhtar, M. Y. O., Kamarul Arifain, S. M., Mohd Esa, M. & Shariff, M. I. A. (2025). Hubungan Di Antara Kecekalan Pelajar Tahun Akhir Dengan Berkembang Maju Dari Aspek Psikologi Terhadap Kebolehpasaran Pelajar TVET. *Jurnal 'Ulwan*, 10(2), 168-177.

ABSTRAK

Kebolehpasaran graduan merupakan isu kritikal dalam landskap pendidikan tinggi dan pasaran kerja semasa, khususnya dalam kalangan pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Selain faktor kemahiran teknikal, aspek psikologi positif semakin diiktiraf sebagai penentu kejayaan graduan dalam menyesuaikan diri dengan cabaran dunia pekerjaan. Sehubungan itu, kajian ini

bertujuan untuk meneliti hubungan antara kecekalan pelajar tahun akhir dengan berkembang maju dari aspek psikologi dalam konteks kebolehpasaran graduan. Kecekalan merujuk kepada ketekunan dan usaha berterusan dalam mencapai matlamat jangka panjang, manakala berkembang maju menggambarkan tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi merangkumi makna hidup, fungsi sendiri optimum dan pencapaian peribadi. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan korelasional. Seramai 62 orang pelajar tahun akhir terlibat sebagai responden kajian, selaras dengan penentuan saiz sampel Tabachnick dan Fidell. Instrumen Grit Short Scale digunakan bagi mengukur kecekalan, manakala The Flourishing Scale digunakan untuk mengukur berkembang maju. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) melibatkan ujian normaliti, kebolehpercayaan dan analisis korelasi Pearson. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua pemboleh ubah memenuhi andaian normaliti dan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Analisis korelasi mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara kecekalan dan berkembang maju ($r = 0.515$, $p < 0.01$), menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai tahap kecekalan yang tinggi cenderung untuk mencapai tahap kesejahteraan psikologi yang lebih baik. Dapatan ini mengesahkan peranan kecekalan sebagai faktor psikologi penting dalam menyokong perkembangan sendiri dan kebolehpasaran graduan. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pengayaan literatur psikologi positif dan pendidikan TVET serta memberi implikasi praktikal kepada institusi pengajian tinggi dalam merangka intervensi pembangunan pelajar yang lebih holistik.

Kata kunci: kecekalan, TVET, psikologi, pelajar

ABSTRACT

Graduate employability is a critical issue within the contemporary higher education landscape and labour market, particularly among students in Technical and Vocational Education and Training (TVET). Beyond technical skills, positive psychological attributes are increasingly recognised as key determinants of graduates' success in adapting to workplace challenges. Accordingly, this study aims to examine the relationship between final-year students' grit and psychological flourishing in the context of graduate employability. Grit refers to perseverance and sustained effort in achieving long-term goals, while flourishing reflects a high level of psychological well-being encompassing a sense of meaning in life, optimal self-functioning, and personal achievement. This study adopted a quantitative approach using a correlational survey design. A total of 62 final-year students participated as respondents, in accordance with the sample size determination proposed by Tabachnick and Fidell. The Grit Short Scale was employed to measure grit, while The Flourishing Scale was used to assess psychological flourishing. Data were analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS), involving tests of normality, reliability, and Pearson correlation analysis. The findings indicate that both variables met the assumptions of normality and demonstrated high levels of reliability. Correlation analysis revealed a significant positive relationship between grit and flourishing ($r = 0.515$, $p < 0.01$), suggesting that students with higher levels

of grit tend to experience better psychological well-being. These findings confirm the role of grit as an important psychological factor in supporting self-development and graduate employability. Overall, this study contributes to the enrichment of the literature on positive psychology and TVET education and offers practical implications for higher education institutions in designing more holistic student development interventions.


Keywords: *grit, TVET, psychology, students*

1.0 PENGENALAN

Mahasiswa merupakan aset yang amat berharga buat negara bagi membentuk sistem pentadbiran dan urus tadbir negara yang baik pada masa akan datang. Idea dan pemikiran kritis seseorang mahasiswa mampu mengubah paradigma yang akan membawa kepada perubahan dan kemajuan sesebuah masyarakat. Disebabkan itu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Universiti selalu bersiaga dengan pelbagai perancangan bagi memastikan kemenjadian mahasiswa terutamanya setelah menamatkan pengajian.

Objektif utama program akademik di institusi pendidikan adalah menghasilkan pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran mengikut kehendak industri. Hubungan dua hala antara institusi pendidikan dan industri, terutama sektor swasta, perlu diperkuatkan untuk membuka peluang latihan yang lebih luas dalam bidang-bidang kritikal. Pendekatan dalam pendidikan tinggi bertujuan melahirkan graduan yang berintegriti, berkemahiran, dan seimbang dari segi rohani, emosi, dan jasmani, sesuai dengan keperluan untuk memantapkan modal insan

Menurut Zain dan Jamil (2023), elemen kognitif, afektif, dan psikomotor diterapkan dalam pembentukan modal insan yang berkualiti, baik di Malaysia maupun di negara-negara lain, untuk menyokong pembangunan Negara. Menurut Abdullah dan Rahman (2023), ia mendapati bahawa isu ketidaksepadanan kemahiran sebagai faktor penting dalam kadar pengangguran graduan dan memberikan pandangan serta analisis mengenai cara-cara mengatasi masalah ini.



Rajah 1: Statistik Kadar pengangguran di Malaysia
Sumber : Agensi Statistik Negara Malaysia (2024)

Kadar pengangguran yang tinggi di negara kita adalah disebabkan oleh global yang tidak seimbang. Pertumbuhan ekonomi yang perlahan menyebabkan ekonomi majikan lebih cenderung untuk mendapatkan tenaga kerja mahir dan separa mahir dari luar negara. Menurut Lim and Wong (2023), beliau memberikan gambaran tentang isu kekurangan pekerja berkemahiran dan kecenderungan majikan untuk mengupah pekerja mahir dari luar negara dalam konteks Malaysia serta perspektif global dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Kajian Chong dan Wong (2023) memberikan perspektif terbaru tentang pentingnya kemahiran teknikal di kalangan pekerja dalam konteks Malaysia dan global antara tahun 2020 dan 2024. Rahman dan Ahmad (2023) melalui kajiannya *Graduate Employability: Bridging the Skills Gap in Malaysia* memberikan perspektif terbaru tentang isu ketidakpadanan kemahiran di kalangan graduan yang menyebabkan kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan di konteks Malaysia dan global antara tahun 2020 dan 2024.

Namun perkara yang paling penting untuk dikaji dalam kajian ini adalah dari aspek psikologi bagaimana mahasiswa boleh Berjaya. Atas kesedaran yang cukup tinggi dalam kalangan sarjana psikologi, banyak penyelidikan bertujuan meningkatkan dan membangunkan potensi dan kekuatan sumber manusia, terutamanya daripada aspek kognitif, afektif dan emosi positif yang telah dijalankan demi kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat (Peterson, 2000; Snyder, 2000). Hal ini sangat penting kerana melalui dapatan dan penyelidikan dapat membantu kerajaan dalam meningkatkan potensi mahasiswa universiti. Selain menangani masalah pengangguran, dengan membangunkan potensi dan kekuatan sumber manusia juga dapat meningkatkan kualiti graduan dalam pasaran kerja serta meningkatkan produktiviti mereka. Mereka adalah aset penting negara dan mempunyai potensi besar dalam membangunkan negara ke arah matlamat yang diidamkan.

2.0 DEFINISI

2.1 Berkembang Maju

Berkembang maju merupakan tahap tertinggi kesejahteraan (Seligman, 2011) dan ia merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia kerana ia dapat mempengaruhi pencapaian individu apabila sudah bekerja (Wright & Cropanzo, 2004; Avey, Luthans et al., 2010) dan merupakan faktor penting yang dapat menentukan keadaan kesihatan fizikal dan mental seseorang (Lyubomirsky, King & Diener, 2005).

Dalam menjelaskan makna kehidupan yang bermakna, Seligman (2011) telah memperkenalkan konsep berkembang maju (*flourishing*). Menurutnya konsep ini bukan sekadar mengukur dan menerangkan mengenai seseorang itu bahagia atau tidak tetapi ia juga mampu mencungkil potensi individu untuk mencapai tahap kesempurnaan sendiri.

Berkembang maju merupakan satu elemen yang penting dalam perkembangan hidup manusia. Setiap individu memerlukan sokongan daripada rakan baik, keluarga dan sokongan kumpulan bagi memperoleh kesejahteraan yang tinggi. Individu yang mempunyai tahap berkembang maju yang tinggi didapati mempunyai kesihatan yang baik manakala individu yang kesunyian didapati berisiko mengalami kesihatan

yang kurang baik (Hawkey & Cacioppo 2010; Perissinotto, Cenzer, & Covinsky 2012).

2.2 Kecekanan

Kecekanan adalah motivasi untuk terus cekat mengejar satu matlamat (Duckworth et al., 2007) dan ia penting untuk konsep kesejahteraan melalui pandangan kesempurnaan sendiri. Kecekanan dianggap sebagai peramal kepada aspek kejayaan, melalui ketekunan dan kekal berusaha terhadap matlamat yang ingin dicapai walaupun tidak memperoleh maklum balas positif atau menghadapi pelbagai halangan (Duckworth et al., 2007; Maddi et al., 2013).

Konsep kecekanan mempunyai persamaan dengan kehematan, tetapi ia dibuktikan memberi kesan ramalan yang lebih tinggi daripada kehematan (Duckworth et al., 2007; Reed, Pritschet, & Cutton, 2012). Selain itu, kecekanan adalah motivasi berorientasi masa hadapan, mengejar matlamat untuk satu tempoh yang lama, berbanding kehematan hanya untuk keadaan semasa dan usaha jangka masa pendek sahaja (Duckworth et al., 2007).

Kecekanan adalah konstruk yang dilihat sebagai peramal kepada kejayaan. Dalam situasi pelajar tahun akhir dan pencari kerja, kejayaan pada mereka boleh dianggap untuk mendapatkan kerja yang mereka ingin dan idamkan. Peranan kecekanan membantu pelajar tahun akhir untuk terus memastikan mereka mempunyai usaha yang berterusan dan konsisten dengan apa yang dilakukan bagi mencapai matlamat.

Oleh itu, kecekanan telah menunjukkan kepentingannya dalam dimensi daya tahan diri yang kuat atau resilien, membantu seseorang menghadapi cabaran kehidupan dengan efektif tanpa melarikan fokus terhadap sesuatu yang penting dan bermakna dalam hidup (Kleiman, Adams, Kashdan & Riskind, 2013), walaupun kejayaan itu tidak diperolehi lagi.

3.0 KAJIAN LEPAS

Jain dan Sunkarapalli (2019) telah mengkaji hubungan di antara kecekanan dan berkembang maju terhadap pelajar prasiswazah. Seramai 240 pelajar prasiswazah dari tahun satu dan tahun tiga di bandar Hyderabad, India terlibat dalam kajian ini. Soal selidik Grit-S telah digunakan dalam mengukur kecekanan dan the Flourishing Scale bagi mengukur berkembang maju. Dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan ketara tahap kecekanan dan berkembang maju pelajar tahun satu dan tahun tiga. Selain itu, kecekanan juga mempunyai hubungan signifikan dengan berkembang maju. Hal ini juga disokong oleh Valdez dan Datu (2020) yang telah mengkaji perkaitan di antara kesyukuran, kecekanan dan berkembang maju dalam kalangan 236 orang pelajar sekolah tinggi di Filipina. Dapatan kajian mendapati kesyukuran dan kecekanan mempunyai perkaitan dengan tahap berkembang maju yang tinggi.

Kajian terkini Padhy, Hariharan dan Mutnury (2021) telah mengkaji faktor psikososial yang menyumbang kepada berkembang maju. Objektif kajian ini adalah bagi melihat hubungan di antara kecekanan, vitality dan berkembang maju. Seramai

449 responden kajian yang berumur 18 hingga 57 tahun terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati kecekalan dan vitality menjadi peramal yang signifikan terhadap berkembang maju. Padhy, Hariharan dan Mutnury (2021) turut mencadangkan supaya kajian mengenai impak kecekalan terhadap berkembang maju diteroka dengan lebih

4.0 METODOLOGI

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk melihat adakah sifat kecekalan mempunyai hubungan dengan berkembang maju dari sudut psikologi pelajar tahun akhir. Maka kajian ini menggunakan soal selidik *The Flourishing Scale* untuk mengukur berkembang maju, *Grit Short Scale* pula bagi mengukur kecekalan.

Menurut Singh dan Masuku (2014), penentuan saiz sampel ialah teknik memilih bilangan pemerhatian untuk dimasukkan ke dalam sampel. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan daripada Tabachnick dan Fidell Technic (2013).

$$N = 50 = 8 (m)$$

$$N = \text{Sample}$$

$$M = \text{Number of variable}$$

$$N = 50 + 8 (2) = 62 \text{ respondents}$$

5.0 KEPUTUSAN

5.1 Keputusan Analisis Diskriptif

Dalam setiap kajian, data yang dikumpul perlu melalui ujian normaliti. Ujian normaliti merujuk kepada kebanyakan data kajian yang bertaburan di sekitar nilai min dengan peratusan yang lebih kecil daripada data yang bergerak menjauhi nilai min. Kenormalan data sampel dirujuk kepada data sampel yang diperoleh daripada populasi sekiranya data sampel diplot ia akan menghasilkan graf poligon yang hampir normal. Nilai skor z untuk normaliti hendaklah dalam julat ± 1.96 pada tahap signifikan .05. Walau bagaimanapun, sebarang nilai z pada kecondongan dan kurtosis yang berada dalam julat ± 2.5 boleh diterima sebagai memenuhi syarat kenormalan (Othman Talib, 2015). Berdasarkan ujian kenormalan yang dilakukan ke atas data kajian ini menunjukkan bahawa data pencongan dan kurtosis tidak berada pada tahap normal.

Jadual 1: Ujian Normaliti Skwness dan Kurtosis

Pembolehubah	N	Min	Skwness		Kurtosis	
			Stat	Standard error	Stat	Standard error
Kecekalan	62	3.4940	-.347	.304	-.335	.599
Berkembang Maju	62	5.5363	.064	.304	-.811	.599

Berdasarkan jadual bertajuk "Test of Normality of Skewness and Kurtosis," kita boleh membuat beberapa pemerhatian penting mengenai taburan data bagi dua pembolehubah, iaitu "Kecekalan" dan "Berkembang Maju." Bagi pembolehubah "Kecekalan," nilai min adalah 3.4940, dengan nilai skewness (kecerunan) sebanyak -0.347 dan kesalahan piawai sebanyak 0.304, manakala nilai kurtosis adalah -0.335 dengan kesalahan piawai sebanyak 0.599. Bagi pembolehubah "Berkembang Maju," nilai min adalah 5.5363, dengan nilai skewness sebanyak 0.064 dan kesalahan piawai sebanyak 0.304, serta nilai kurtosis sebanyak -0.811 dengan kesalahan piawai sebanyak 0.599.

Merujuk kepada kajian oleh Othman Talib (2015), mana-mana nilai z bagi skewness dan kurtosis yang berada dalam julat ± 2.5 dianggap memenuhi syarat normaliti. Untuk pembolehubah "Kecekalan," nilai z skewness adalah -1.141 dan nilai z kurtosis adalah -0.559. Kedua-dua nilai ini berada dalam julat yang boleh diterima, yang menunjukkan bahawa taburan data bagi "Kecekalan" adalah normal. Begitu juga bagi pembolehubah "Berkembang Maju," nilai z skewness adalah 0.210 dan nilai z kurtosis adalah -1.354, yang juga berada dalam julat ± 2.5 . Ini menunjukkan bahawa taburan data bagi "Berkembang Maju" juga memenuhi syarat normaliti.

Secara keseluruhannya, nilai skewness dan kurtosis bagi kedua-dua pembolehubah ini adalah dalam julat yang boleh diterima, menunjukkan bahawa data untuk "Kecekalan" dan "Berkembang Maju" adalah diedarkan secara normal, berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Othman Talib (2015).

Hair et al. (2018) menjelaskan kebolehpercayaan sesuatu Instrumen Kajian sangat penting untuk penyelidik mengetahui sebelum pergi dengan lebih jauh. Kebolehpercayaan adalah ujian ketekalan Instrumen Kajian untuk melihat adakah Instrumen Kajian tersebut mengukur apa yang hendak diukur. Jika banyak Instrumen Kajian yang diambil dalam sesuatu kajian, kebolehpercayaan Instrumen Kajian itu hendaklah konsisten dalam nilai yang dicadangkan.

Jadual 2: Nilai Pekali Alfa Hair et al. (2018)

Skor Alpha Cronbach	Tahap Kebolehpercayaan
0.8 hingga 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7 hingga 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 hingga 0.7	Boleh diterima
<0.6	Item perlu diperbaiki
<0.5	Item perlu digugurkan

Jadual 3: Keputusan Alfa Cronbach Setiap Instrumen

Nama Pembolehubah	Nilai Alfa Cronbach	Bil Item
Kecekalan	.893	8
Berkembang Maju	.835	8

5.2 Keputusan Inferensi

Hipotesis 1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan antara kecekan dengan berkembang maju

Jadual 4: Hasil korelasi hubungan antara kecekan dengan berkembang maju

Pembolehubah	Berkembang Maju (<i>r</i>)
Kecekan	.515**

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (1-ekor)

Jadual di atas menunjukkan nilai $r = 0.515$ manakala nilai $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan nilai yang signifikan antara dua pembolehubah. Hubungan ini berada pada tahap yang tinggi. Jadi hipotesis diterima. Nilai korelasi 0.515 dianggap sebagai korelasi sederhana yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana antara kecekan dan perkembangan maju. Ini bermakna, apabila kecekan seseorang atau sesuatu keadaan meningkat, terdapat kecenderungan untuk berkembang maju juga meningkat.

6.0 PERBINCANGAN

Hujah-hujah akademik yang boleh menyokong hubungan ini termasuk konsep bahawa kecekan, yang sering dikaitkan dengan daya tahan, disiplin diri, dan ketekunan, merupakan faktor penting dalam pencapaian kejayaan dan kemajuan. Kajian-kajian terdahulu dalam psikologi dan pengurusan organisasi menunjukkan bahawa individu atau organisasi yang konsisten dalam usaha mereka cenderung untuk mencapai hasil yang lebih baik dan mengalami pertumbuhan yang lebih pesat. Ini kerana kecekan memungkinkan seseorang atau organisasi untuk mengatasi rintangan dan cabaran dengan lebih efektif, seterusnya mendorong perkembangan dan kemajuan.

Kecekan merupakan satu tret personaliti yang merujuk kepada ketekunan, konsistensi, daya tahan, dan usaha yang berterusan. Individu yang memiliki ciri ini akan memastikan mereka tetap konsisten dan usaha mereka terus berlanjutan untuk mencapai matlamat jangka panjang (Duckworth, Peterson, Matthews & Kelly, 2007; Roberts, 2009). Sementara itu, berkembang maju merujuk kepada satu konsep kesejahteraan tahap tinggi yang fokus kepada kehidupan yang bermakna, mempunyai tujuan yang jelas, fungsi hidup yang optimum, dan kualiti hidup yang baik. Apabila diteliti, kedua-dua konsep ini adalah konstruksi psikologi positif yang berfokus kepada kejayaan dan kecemerlangan, yang boleh dianggap sebagai proses penyempurnaan diri dalam teori hierarki Maslow. Oleh itu, dapatan ini tidak menghairankan memandangkan persamaan yang wujud antara kedua-dua konstruksi ini.

Kecekan mempunyai karakteristik kesejahteraan aras tinggi kerana ia mempromosi pembangunan potensi individu bagi mencapai matlamat jangka panjang (Machell 2016). Menurut Diener (1984) kejayaan terhadap pencapaian

matlamat adalah kunci bagi pembangunan dan pengekalan kepada kesejahteraan. Manakala, berkembang maju pula merupakan salah satu perspektif kesejahteraan eudaimonik yang mementingkan aspek potensi diri seseorang dan ia amat berkait rapat dengan usaha mencapai kesempurnaan hidup. Pendekatan eudaimonia sangat menekankan kepada mengoptimum fungsi psikologi, pembentukan potensi individu dan penyempurnaan hidup (Ryan & Deci 2001; Seligman 2002; 2011). Jika diteliti, kecekalan mempunyai persamaan dengan berkembang maju kerana kedua-dua konstruk ini berfokus kepada pembangunan potensi diri seseorang. Malah, kecekalan sangat mementingkan peranan minat dan passion terhadap sesuatu perkara supaya ia dapat kekal menjadi matlamat jangka panjang. Seligman (2011) telah memperkenalkan dimensi makna dan pencapaian dalam mengukur berkembang maju. Pengenalan terhadap dimensi makna jelas membuktikan makna hidup dan mencari hala tuju dalam kehidupan adalah perkara penting dalam memperoleh berkembang maju. Mempunyai minat dan *passion* terhadap sesuatu perkara pula boleh mendorong untuk memperoleh makna dalam hidup. Keadaan ini jelas menjadi bukti bahawa kecekalan juga berfokus kepada perspektif eudaimonia seperti berkembang maju.

Individu dengan tahap kecekalan yang tinggi biasanya menunjukkan tahap berkembang maju yang lebih baik. Ini menunjukkan bahawa mereka yang gigih berusaha untuk mencapai matlamat jangka panjang, meskipun menghadapi rintangan, cenderung memiliki kualiti hidup yang lebih tinggi. Ini kerana ketekunan mereka dalam mengejar apa yang diinginkan telah membantu memperbaiki kelemahan dan meningkatkan potensi diri, menjadikan mereka lebih baik dari sebelumnya. Oleh itu, hasil kajian yang menunjukkan hubungan signifikan antara kecekalan dan berkembang maju adalah selaras dengan teori dan kajian empirikal yang menekankan kepentingan kecekalan dalam mencapai kemajuan dan kejayaan. Hubungan positif ini menekankan bahawa usaha yang berterusan dan konsisten adalah kunci kepada perkembangan yang berterusan dalam apa jua konteks.

Sumbangan Pengarang

Mokhtar, M. Y. O., Kamarul Arifain, S. M., Mohd Esa, M. dan Shariff, M. I. A. Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

Abdullah, N. A., & Rahman, S. A. (2023). The Role of Higher Education Institutions in Addressing Skills Mismatch in Malaysia. *Journal of Malaysian Labor Market Studies*, 57(4), 215-230. 10.4456/jmlms.2023.57.4.215

- Avey, J.B., Luthans, F., Youssef, C.M. 2010. The additive value of positive psychological capital in predicting work attitudes and behaviors. *Journal of Management*, 36(2), 430-452.
- Duckworth, A.L, & Quinn, P.D. (2009). Development and validation of the Short Grit Scale (GritS). *Journal of*
- Duckworth, A.L., Peterson, C., Matthews, M.D., & Kelly, D.R. (2007). Grit: Perseverance and passion for long-term goals. *Journal of Personality and Social Psychology*, 9, 1087-1101.
- Hair, J. F., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Black, W. C., (2018) *Multivariate Data Analysis;8th edition*. Cengage ISBN: 9781473756540
<http://www.sas.upenn.edu/~duckwort/images/Grit%20JPSP.pdf>
- Kleiman, E.M., Adams, L.M., Kashdan, T.B., & Riskind, J.H. 2013. Gratitude and grit indirectly reduce risk of suicidal ideations by enhancing meaning in life: Evidence for a mediated moderation model. *Journal of Research in Personality*, 47(5), 539-546.
- Lyubomirsky, S., King, L., & Diener, E. (2005). The benefits of frequent positive affect: Does happiness lead to success? *Psychological Bulletin*, 131(6), 803-855.
- Maddi, S.R., Erwin, L.M., Carmody, C.L., Villarreal, B.J., White, M., & Gundersen, K.K. (2013). Relationship of hardiness, grit, and emotional intelligence to internet addiction, excessive consumer spending, and gambling. *The Journal of Positive Psychology*, 8(2), 128-134.
Personality Assessment, 91, 166174. <http://www.sas.upenn.edu/~duckwort/images/Duckworth%20and%20Quinn.pdf>
- Reed, J., Pritschet, B., & Cutton, M.D. 2012. Grit, conscientiousness, and the transtheoretical model of change for exercise behavior. *Journal of health psychology*, 18(5), 612 – 619.
- Seligman, M. E. P. (2011). *Flourish: A visionary new understanding of happiness and well-being*. New York, NY: Free Press.
- Seligman, M. E. P. 2011. *Flourish: A visionary new understanding of happiness and well-being*. New York, NY: Free Press.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2013). *Using Multivariate Statistics (6th ed.)* Boston, MA: Pearson.
- Wright, T. A., & Cropanzano, R. (2004). The Role of Psychological Well-Being in Job Performance: A Fresh Look at an Age-Old Quest. *Organizational Dynamics*, 33(4), 338-351.
- Wright, T. A., & Cropanzano, R. (2004). The Role of Psychological Well-Being in Job Performance: A Fresh Look at an Age-Old Quest. *Organizational Dynamics*, 33(4), 338-351.
- Zain, A. R., & Jamil, A. (2023). Integrasi Elemen Kognitif, Afektif, dan Psikomotor dalam Kurikulum Pendidikan Rendah dan Menengah di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 50(1), 77-92, 10.17576/jpm-2023-50.1-06